



PERBADANAN LABUAN
PETI SURAT 81245
87022 W.P. LABUAN

NO. SEBUT HARGA : PL/(S)72/2014(JPP)
TARIKH : 06 OGOS 2014

KENYATAAN SEBUT HARGA

1. Sebut harga adalah dipelawa untuk kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia / Perbendaharaan Malaysia Sabah dalam Kod Bidang 221002 (Membersih Kawasan)** yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi perolehan berikut:

**“KERJA-KERJA PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN PEMBERSIHAN
KAWASAN RUMAH BINATANG KESAYANGAN SERTA KERJA-KERJA
BERKAITAN UNTUK PERBADANAN LABUAN”**

2. Dokumen sebut harga berharga **RM 5.00** (tidak dikembalikan) boleh dibeli semasa waktu pejabat di **Kaunter Bayaran, Tingkat 1, Wisma Perbadanan Labuan** mulai **12.08.2014** sehingga **18.08.2014**. Dokumen sebut harga tidak akan dijual selepas tarikh yang dinyatakan.
3. Kontraktor dikehendaki mengemukakan Sijil Pendaftaran **ASAL** yang masih sah tempohnya **BESERTA SATU SALINAN** dari **Kementerian Kewangan Malaysia / Perbendaharaan Malaysia Sabah** sebelum dibenarkan mengambil dokumen sebut harga. **Salinan-salinan Perakuan dan / atau Sijil yang berkenaan boleh diterima jika disahkan oleh pejabat yang mengeluarkannya.**
4. Kontraktor yang berminat **DIWAJIBKAN** menghadiri satu taklimat / lawatan tapak pada **11.08.2014**. Kontraktor dikehendaki melaporkan diri di **Bilik Mesyuarat Harmoni, Tingkat 8, Menara Perbadanan Labuan** pada hari tersebut sebelum jam **9.30 pagi**. Dokumen sebut harga tidak akan dijual kepada kontraktor yang gagal menghadiri lawatan tapak.
5. Dokumen Sebut harga yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Sebut harga No. 1 di Tingkat 2, Wisma Perbadanan Labuan** tidak lewat dari jam **12.00 tengah hari** pada **19.08.2014**. Sebut harga yang lewat diterima tidak akan dipertimbangkan.
6. Perbadanan Labuan tidak terikat untuk menerima sebut harga yang terendah atau sebarang sebut harga. Semua perbelanjaan bersabit dengan sebut harga ini adalah tanggungjawab kontraktor sendiri dan bayaran pembelian dokumen sebut harga tidak akan dikembalikan.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,

(ERNIE BT. MOHAMAD)
b.p Ketua Pegawai Eksekutif
Perbadanan Labuan